


Seni terapi pemulihan manusiawi

UB 16.4.2017 B2



**CATATAN
KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS**

SERINGKALI kita terdengar masyarakat menggap seni itu remeh hanya berperanan dari sudut hiburan dan perhiasan atau dekorasi semata mata.

Seni lukis pada dasarnya berkhidmat bukan sahaja sebagai disiplin ilmu bahkan yang lebih penting ramai di kalangan masyarakat kini tidak ketahui bahawa seni berfungsi sebagai perubatan alternatif kaedah penyembuhan dan pemulihan kepada manusia sejak ianya diciptakan

ribuan tahun bermula di zaman purba lagi.

Pada mulanya seni berperanan memeriahkan upacara agama dan ritual terutamanya di kalangan pengikut agama utama dunia di kuil dan tempat penyembahan bagi tujuan ritual sejak zaman Yunani purba.

Begitu juga halnya dengan disiplin seni yang lain umpamanya seni drama dan teater dipersembahkan di kuil Greek purba, tarian yang biasanya mempunyai acara tetap di kuil agama Hindu sejak dahulu bermula di India.

Pembacaan puisi, syair dan sajak sentiasa menjadi acara utama di perkarangan Kaabah sebelum dan selepas tersebarnya agama Islam di kota suci Mekah. Pertandingan bersyair dan mengarang puisi menjadi acara terunggul di kalangan peniaga dan pendakwah agama Islam serta kabilah Arab yang datang berniaga di kota Mekah.

Begitu juga halnya dengan seni arca dan seni lukisan menjadi media dakwah bagi mendidik pengikut agama kuno di zaman Greek dan Mesir purba sahingga zaman Renaissance abad

pertengahan di Eropah.

Oleh itu karya seni sama ada seni tampak atau seni persembahan sebenarnya mempunyai tugas utama selain dari memberi khidmat hiburan dan mencantikkan ruang manusia, fungsi seni yang kurang diketahui oleh masyarakat umum adalah penyembuhan dan perubatanpenyakit yang berkaitan dengan kesihatan mental dan saraf.

Sejak ianya diperkenalkan sebagai kaedah membantu dalam pemulihan kesihatan mental pesakit oleh pakar psikologi dan perubatan untuk memulihkan masalah sakit kemurungan kaedah seni telah memberikan satu ruang kepada pesakit mental dan saraf untuk memulihkan mereka.

Pada dasarnya seseorang yang menghayati karya seni ataupun seni tampak mereka akan mengalami satu suasana yang menyenangkan diri atau boleh juga dikatakan menenangkan perasaan ketika mengalami tekanan atau pun stress.

Begitu juga yang berlaku jika sekiranya seseorang melakukan aktiviti menghasilkan karya seni seperti melukis, membuat

arca, membentuk tembikar, menari, membaca puisi dan sebagainya mereka akan melalui pengalaman yang menyeronokkan oleh kerana proses mencipta itu adalah tabii dan naluri semulajadi manusia kerana cabaran mencuba dan kejayaan memberikan juga kepuasan kepada seseorang.

Oleh sebab itu proses perubatan melalui seni atau dikenal juga sebagai terapi seni sebenarnya memerlukan beberapa pendekatan mengikut tahap pengetahuan sesaorang. Seni terapi boleh juga didapati melalui interaksi dengan karya seni.

Ini bermakna seseorang yang menghayati karya lukisan perlu berdialog dengan karya tersebut bukan sahaja mereka menjadi penonton pasif bahkan juga seseorang perlu mengambil inisiatif berinteraksi dan memainkan peranan aktif. Umpamanya melihat sesebuah karya bukan sahaja keindahannya atau imej di atas satahnya bahkan mereka perlu mengajukan beberapa soalan pada diri mereka bagi mendedahkan misteri yang terdapat

dalam karya tersebut, umpama mengupas kulit bawang. Setiap lapisan mempunyai makna tertentu berdasarkan pengalaman pelukis dan penonton tersebut.

Begitu juga halnya apabila mereka didedahkan dengan karya persembahan umpamanya tarian, nyanyian, dan sebagainya mereka perlu membangkitkan minat serta menimbulkan perasaan keseronokan dalam diri mereka bagi mencari kepuasan diri apabila menjadi penonton seni yang aktif melalui analisis pergerakan, memahami melodi serta lirik lagu mislanya.

Di samping itu jika seseorang pesakit melalui perubatan terapi seni dengan melakukan proses berkarya pula seperti membuat lukisan atau membentuk sebuah arca mereka akan merasakan keseronokan apabila secara berperingkat berjaya menjelmakan imej dalam karya sebuah lukisan ataupun dapat membentuk sebuah arca yang terhasil dari perlakuan mereka. Oleh itu odium atau pengkarya akan melalui pengalaman

'*carthasis*' atau ketenangan selepas mengalami proses ketegangan jiwa.

Bukan sahaja melakukan ciptaan karya seni tampak peringkat kesenangan atau penyembuhan tersebut, bahkan melakukan proses peniruan seni persembahan berupa tarian, lakonan, mendeklamasikan sajak atau baca puisi, menyanyi dan bermain alat muzik juga akan mendapatkan faedah penyembuhan melalui menikmati dan mempraktikkan ciptaan karya seni.

Pendek kata menghayati dan melakukan proses karya seni boleh mendatangkan penyembuhan serta pemulihan kepada mereka yang mengalami permasalahan kesihatan terutamanya di sekolah dan pusat pengajian tinggi.

Terdapat juga perubatan terapi seni ini dijalankan di sekolah terutamanya membantu pelajar yang bermasalah mengikuti pelajaran seperti masalah membaca, mengingat, memberi fokus, stress serta

disiplin biasanya guru akan menyelesaikan masalah tersebut melalui kaedah tersebut.

Seni terapi sudah menjadi kaedah penyembuhan dan pemulihan sejagat. Disebabkan itu boleh dikatakan setiap hospital atau di mana sahaja masalah kesihatan mental dan saraf berlaku samada di sekolah, klinik dan hospital terapi seni akan menjadi pilihan utama membantu mereka yang memerlukan bantuan memahami diri serta kehidupan mereka.

Oleh sebab itu seni perlu mendapat pendedahan yang luas kepada masyarakat kerana fungsi serta khidmatnya kepada manusia amat luas bukan sahaja berbentuk fizikal bahkan mental yang ramai tidak mengetahui kepentingannya.

Disebabkan itu naluri melihat serta mencipta sesuatu keindahan itu digalakkan kepada semua manusia terutama sekali umat Islam kerana Allah itu indah dan suka kepada keindahan.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****